

DBKL Wujud Akaun Khas Jamin Skim Pembelian Balik Rumah - Datuk Bandar Bernama
14 Februari , 2012

KUALA LUMPUR, 14 Feb (Bernama) -- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mewujudkan satu akaun khas untuk membeli balik unit rumah Program Perumahan Rakyat-Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR-MTEN) dan Perumahan Awam DBKL (PA DBKL) daripada pembeli yang gagal membayar pinjaman Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP).

Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Ahmad Fuad Ismail berkata akaun itu diwujudkan melalui peruntukan sebanyak 20 peratus hasil jualan PPR-MTEN serta PA DBKL bagi sesuatu tempoh dan akan menjadi seperti 'penjamin' kepada skim penjualan perumahan PPR-MTEN dan PA DBKL.

Beliau memberi contoh 20 peratus daripada hasil jualan 4,988 unit rumah PPR-MTEN dan PA DBKL berjumlah RM155 juta sehingga 31 Jan lepas ialah kira-kira RM30 juta, dan ia akan dimasukkan ke dalam akaun khas untuk tujuan membeli balik rumah terbabit.

"Ada pihak persoalkan dari mana DBKL dapat dana, ada yang kata kenapa DBKL dipaksa beli rumah tersebut, dan ada yang tuduh kita guna wang daripada hasil cukai taksiran yang kita peroleh," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan pengumuman program 'KUL Sign' Festival 2012 Isnin.

"Saya tegaskan bahawa kabinet telah luluskan hasil pembelian rumah PPR-MTEN dan PA DBKL ini 100 peratus menjadi milik kami (DBKL), jadi tiada isu yang mengatakan DBKL tiada wang dan skim ini menyalahgunakan KWSP," katanya.

Ahmad Fuad juga berkata bagi mendapatkan kembali wang yang digunakan akaun khas membeli rumah terbabit, unit itu akan dijual semula pada harga pasaran kepada pemohon yang berdaftar dengan Sistem Pendaftaran Terbuka DBKL.

"Berdasarkan harga pasaran hartanah pada masa ini, dianggarkan harga rumah tersebut boleh dijual pada harga RM70,000 hingga RM80,000 kerana faktor lokasi perumahan yang berdekatan dengan pusat bandar," katanya.

Harga asal yang ditawarkan kepada pemilik yang meminjam dengan SPWP ialah antara RM21,500 dan RM35,000 bergantung kepada keluasan serta jumlah bilik.

Mengenai 'KUL Sign' Festival 2012, Ahmad Fuad berkata ia bertujuan menjalin kerjasama dua hala dan persefahaman antara DBKL dengan penggiat grafiti.

Katanya, festival dua hari yang memasuki edisi kedua itu akan berlangsung pada 25 Feb di Dataran LRT Pasar Seni serta menampilkan Pertandingan 'KUL Sign' Grafiti bertemakan Greater KL.

"Kumpulan sasaran pertandingan ini ialah pelukis tempatan, dan setakat ini, seramai 200 peserta telah mengesahkan penyertaan termasuk pelukis dari luar negara seperti dari Itali, Singapura, Hong Kong, Sweden dan sebagainya," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645428>